

Disediakan untuk _____ Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Allianz Travel Care. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Allianz”/“Kami”)
Nama Produk : Allianz Travel Care

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan dan pembayaran balik bagi Orang Yang Diinsuranskan yang melakukan perjalanan di dalam dan luar negara atas urusan pekerjaan atau percutian, sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan, perbelanjaan perubatan yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit, gangguan perjalanan dan sebarang bantuan ketika perjalanan. Di samping itu, Orang Yang Diinsuranskan juga boleh memilih untuk membeli perlindungan tambahan yang menawarkan perlindungan yang lebih meluas sekiranya anda melibatkan diri dalam apa-apa sukan/aktiviti-aktiviti yang disenaraikan dalam polisi kontrak.

2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Sila rujuk kepada brosur Allianz Travel Care untuk senarai perlindungan/faedah yang lengkap. Secara amnya, polisi ini merangkumi faedah-faedah berikut:

- (a) Kemalangan Diri
- (b) Perbelanjaan Perubatan yang berkaitan
- (c) Kesulitan Perjalanan
- (d) Pilihan Rider

Nota: Sila rujuk kepada kontrak Polisi untuk ciri dan faedah penuh dan skala faedah-faedah.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada pilihan pelan, destinasi dan tempoh perlindungan.

Luar Negara

Bilangan Hari	Asia				Seluruh Dunia			
	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
	(RM)							
1 – 5 hari	50.00	95.00	25.00	125.00	60.00	105.00	40.00	160.00
6 – 10 hari	60.00	115.00	35.00	160.00	80.00	130.00	60.00	210.00
11 – 15 hari	80.00	150.00	50.00	215.00	115.00	175.00	85.00	300.00
16 – 22 hari	105.00	195.00	65.00	280.00	150.00	230.00	110.00	400.00
Setiap tambahan minggu atau sebahagian	20.00	30.00	15.00	50.00	45.00	45.00	35.00	110.00
Tahunan	295.00	Tidak Berkenaan	155.00	Tidak Berkenaan	360.00	Tidak Berkenaan	220.00	Tidak Berkenaan

Nota: 1. Bilangan hari maksimum bagi perjalanan/lawatan sehala atau dua hala adalah terhad kepada 200 (dua ratus) hari berturut-turut.

2. Bilangan hari maksimum bagi perjalanan/lawatan pelan tahunan adalah terhad kepada 90 (sembilan puluh) hari berturut-turut.

3. Setiap perjalanan/lawatan mesti bermula dan berakhir di Malaysia kecuali perlindungan sehala.

Domestik & Luar Negara

Bilangan Hari	Domestik & Asia				Domestik & Seluruh Dunia			
	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
	(RM)							
1 – 5 hari	60.00	105.00	35.00	135.00	70.00	115.00	50.00	170.00
6 – 10 hari	70.00	125.00	45.00	170.00	90.00	140.00	70.00	220.00
11 – 15 hari	90.00	160.00	60.00	225.00	125.00	185.00	95.00	310.00
16 – 22 hari	115.00	205.00	75.00	290.00	160.00	240.00	120.00	410.00
Setiap tambahan minggu atau sebahagian	30.00	40.00	25.00	60.00	55.00	55.00	45.00	120.00
Tahunan	370.00	Tidak Berkenaan	195.00	Tidak Berkenaan	435.00	Tidak Berkenaan	260.00	Tidak Berkenaan

Nota: 1. Bilangan hari maksimum bagi perjalanan/lawatan sehala atau dua hala adalah terhad kepada 200 (dua ratus) hari berturut-turut.

2. Bilangan hari maksimum bagi perjalanan/lawatan pelan tahunan adalah terhad kepada 90 (sembilan puluh) hari berturut-turut.
3. Setiap perjalanan/lawatan mesti bermula dan berakhir di Malaysia kecuali perlindungan sehala

Sukan Tambahan – Rider Pilihan 1

Bilangan Hari	Asia/Seluruh Dunia			
	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
	(RM)			
1 – 5 hari	20.00	Tidak Berkenaan	20.00	60.00
6 – 10 hari	25.00		25.00	80.00
11 – 15 hari	35.00		35.00	110.00
16 – 22 hari	50.00		50.00	145.00
23-30 hari	Tidak Berkenaan		Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Setiap tambahan minggu atau sebahagian	10.00		10.00	25.00
Tahunan	115.00		115.00	Tidak Berkenaan

Nota: 1. Bilangan hari maksimum bagi perjalanan /lawatan sehala atau dua hala adalah terhad kepada 200 (dua ratus) hari sahaja.
 2. Bilangan hari maksimum bagi perjalanan /lawatan pelan tahunan adalah terhad kepada 90 (sembilan puluh) hari sahaja.

Sukan Tambahan – Rider Pilihan 2

Umur	Asia/Seluruh Dunia (setiap satu perjalanan sahaja)
	Dewasa
	(RM)
18 – 40 tahun	500.00
41 – 60 tahun	1,000.00

Nota : Bilangan hari maksimum bagi perjalanan untuk Pendakian Altitud Tinggi adalah 30 (tiga puluh) hari sahaja.

Domestik

Bilangan Hari	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
		(RM)		
1 – 5 hari	18.00	28.00	9.00	47.00
6 – 10 hari	28.00	37.00	14.00	61.00
11 – 15 hari	37.00	51.00	18.00	84.00
16 – 22 hari	47.00	66.00	23.00	117.00
23-30 hari	56.00	75.00	28.00	146.00
Setiap tambahan minggu atau sebahagian	180.00	Tidak Berkenaan	90.00	Tidak Berkenaan

Nota: Bilangan hari maksimum bagi perjalanan/lawatan pelan tahunan, sehala atau dua hala adalah terhad kepada 30 (tiga puluh) hari berturut-turut sahaja.

Sukan Tambahan – Rider Pilihan 1

Bilangan Hari	Dewasa	Warga Emas	Kanak-kanak	Keluarga
		(RM)		
1 – 5 hari	9.00	Tidak Berkenaan	9.00	28.00
6 – 10 hari	14.00		14.00	37.00
11 – 15 hari	18.00		18.00	51.00
16 – 22 hari	23.00		23.00	66.00
23-30 hari	28.00		28.00	75.00
Setiap tambahan minggu atau sebahagian	56.00		56.00	Tidak Berkenaan

Nota: Bilangan hari maksimum bagi perjalanan /lawatan pelan tahunan, sehala atau dua hala adalah terhad kepada 30 (tiga puluh) hari berturut-turut sahaja.

4. **Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?**

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan (Luar Negara dengan Domestik & Domestik sahaja)	6% daripada premium

5. **Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

(a) **Keptingan pendedahan**

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

(b) **Had Umur:**

- **Pelan Dewasa/Pelan Dewasa Tahunan** bermaksud pelan untuk Orang Yang Diinsuranskan yang berumur (18) dan tujuh puluh (70) tahun, pada masa borang cadangan dibuat.
- **Pelan Kanak-Kanak/Pelan Kanak-Kanak Tahunan** bermaksud pelan untuk Orang Yang Diinsuranskan yang berumur tiga puluh (30) hari dan tujuh belas (17) tahun, pada masa borang cadangan dibuat.
- **Pelan Warga Emas** bermaksud pelan untuk Orang Yang Diinsuranskan yang berumur tujuh puluh satu (71) tahun dan lapan puluh (80) tahun, pada masa borang cadangan dibuat.
- **Pelan Keluarga** bermaksud pelan untuk Orang Yang Diinsuranskan, satu (1) pasangan sah Orang Yang Diinsuranskan yang berumur lapan belas (18) dan tujuh puluh (70) tahun, dan kesemua anak Orang Yang Diinsuranskan berumur tiga puluh (30) hari dan dua puluh empat (24) tahun pada masa borang cadangan dibuat.

(c) **Perlindungan Kuarantin disebabkan oleh Penyakit Wajib Lapor dan Pembatalan Deposit atau Perjalanan** – di mana faedah terpakai dibawah Polisi ini tidak akan dibayar sekiranya Polisi ini dibeli dan bayaran dibuat:

- (i) Kurang dari dua (2) minggu sebelum keberangkatan Orang Yang Diinsuranskan untuk Perjalanan/Lawatan anda; atau
- (ii) Sebelum pengisytiharan Penyakit Wajib Lapor (untuk perlindungan Kuarantin disebabkan oleh Penyakit Wajib Lapor), atau sebelum belakunya atau pengumuman bencana alam atau apa-apa kejadian yang dilindungi dibawah Pembatalan Perjalanan atau Lawatan (untuk Pembatalan Perjalanan/Lawatan), mana-mana yang mungkin.

(d) **Tunai Sebelum Perlindungan** – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.

(e) **Tuntutan** – Orang Yang Diinsuranskan harus menyerahkan laporan bertulis dan menyediakan butiran lengkap bagi sebarang kemalangan dalam masa tiga puluh (30) hari setelah pulang ke Rumah Orang Yang Diinsuranskan.

(f) **Pembaharuan Automatik (untuk polisi tahunan sahaja)** – Sekiranya anda memilih untuk pembaharuan automatik, tertakluk pada terma dan syarat polisi ini dan premium yang perlu dibayar, polisi ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun polisi apabila tamat tempoh kecuali polisi ini ditamatkan menurut perkara 6 Penamatan di bawah Bahagian 2 Syarat Am dalam Polisi Kontrak.

6. **Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi bagi kematian atau kecederaan disebabkan oleh kejadian-kejadian berikut:

(a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, keganasan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau sebab yang menentukan pengisytiharan darurat atau pengkalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan tentera, rusuhan atau kekacauan awam, sekat-masuk atau ancaman peristiwa yang seumpamanya;

(b) Penangguhan, rampasan, penahanan, rekuisisi, kerosakan, kemusnahan atau apa-apa peraturan larangan oleh kastam atau pegawai-pegawai kerajaan lain atau pihak berkuasa mana-mana negara;

(c) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa sisa nuklear yang terhasil akibat pembakaran bahan bakar nuklear;

- (d) bahan letupan toksik radioaktif atau bahan-bahan berbahaya lain daripada apa-apa pemasangan bahan letupan nuklear atau komponen nuklear dan yang seumpamanya;
- (e) kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak;
- (f) aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, perlombongan, aktiviti di pelantar minyak, fotografi udara atau mengendalikan bahan letupan;
- (g) Anda melibatkan diri dalam sebarang aktiviti ketenteraan laut, ketenteraan darat, ketenteraan udara, penguatkuasa undang-undang atau perkhidmatan pertahanan awam atau operasi semasa Perjalanan/Lawatan;
- (h) penglibatan Anda dalam penerbangan, selain daripada penumpang yang membayar tambang;
- (i) penyertaan langsung anda dalam mana-mana Akta Keganasan;
- (j) sebarang kerugian akibat pertukaran mata wang dan yang seumpamanya;
- (k) perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran dan/atau campur tangan Kami;
- (l) HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walaupun puncanya dan/atau apa-apa derivatif mutan, varisi atau rawatannya walau apa pun puncanya;
- (m) rawatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh spa kesihatan, rumah penjagaan atau pemulihan atau mana-mana pusat pemulihan;
- (n) Anda yang telah menerima diagnosis terminal;
- (o) Anda membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau di atas nasihat perubatan di mana perjalanan dibuat semata-mata dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan;
- (p) Anda gagal untuk mendapatkan pemvaksinasi yang diperlukan sebelum berlepas;
- (q) Sebarang Penyakit Wajib Laporkan kecuali dilindungi di bawah Penyakit Wajib Laporkan (Pilihan Rider) yang Anda beli;
- (r) Anda membunuh diri, mencederakan diri atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya selain dari cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia atau melakukan perbuatan jenayah;
- (s) Anda di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan bahan lain selain yang dipreskripsikan oleh pengamal perubatan tetapi tidak apabila dipreskripsikan untuk rawatan ketagihan dadah;
- (t) Kandungan alkohol dalam sampel darah/urin yang melebihi limit yang dibenarkan oleh undang-undang;
- (u) sebarang kos rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, melahirkan anak, keguguran, pengguguran dan semua komplikasi yang berkaitan, kecuali untuk keguguran disebabkan Kecederaan anggota badan akibat Kemalangan;
- (v) Penyakit Sedia Ada;
- (w) Penyakit atau gangguan psikologi, gangguan mental dan saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegiaan;
- (x) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak akan terpakai bagi lesen telah luput tetapi tidak dibatalkan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan).

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Jika Anda memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini atau perlindungan Anda, penamatan tersebut akan berkuat kuasa bermula pada tarikh notis diterima oleh Allianz dari Anda atau tarikh spesifik yang dinyatakan pada notis tersebut, mana-mana yang kemudian.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, kadar tempoh pendek akan dipakai, dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam Tempoh Insurans yang sah pada ketika itu.

Tempoh Diinsuranskan	Peratusan Premium Tahunan Yang Dikenakan
Two (2) Bulan atau Kurang	40%
Tiga (3) Bulan	50%
Empat (4) Bulan	60%
Lima (5) Bulan	70%
Enam (6) Bulan	75%
Melebihi enam (6) Bulan	100%

(a) Penamatan oleh Allianz

Sekiranya Allianz menamatkan Polisi ini dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, Kami akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat terakhir yang diketahui di Malaysia. Penamatan ini akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada Anda dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam Tempoh Insurans yang sah pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

Sekiranya Polisi ini bukan Polisi tahunan, Anda boleh menamatkan Polisi ini dengan memberikan notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini dengan syarat bahawa Tempoh Insurans tidak bermula semasa tarikh penamatan Polisi berkuat kuasa. Penamatan sedemikian akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian mana-mana yang terlebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh penamatan, Anda berhak mendapat bayaran balik premium yang dibayar untuk Polisi ini.

(b) Penamatan Secara Automatik

Polisi ini akan tamat secara automatik pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans. Walaubagaimanapun, perlindungan yang diberikan kepada Anda di bawah Polisi ini akan luput/tamat dalam keadaan berikut:

- (i) Apabila Anda di bawah pelan kanak-kanak dan telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, atau apabila tamatnya polisi tahunan kanak-kanak; atau
- (ii) Apabila Anda di bawah pelan dewasa telah mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun, atau apabila tamatnya polisi tahunan dewasa; atau
- (iii) Apabila Anda mengalami kematian.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan kami.



9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?


Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku 'Insurans Kemalangan Diri' *insurance info* atau layari insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542
Emel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

- (a) Allianz Shield Plus
- (b) Allianz Lifestyle Protect

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/11/2021.